

CIRI-CIRI KONSTRUKSI ERGATIF DALAM BAHASA MELAYU

SATO, Hirobumi @ Rahmat

Abstrak

Makna ragam kerja bahasa Melayu telah lama diajarkan dalam dikotomi aktif dan pasif yang didasarkan secara formal sahaja kepada wadah bahasa Eropah moden. Akibatnya fakta kebahasaan yang berlangsung sejak zaman bahasa Melayu klasik kurang diperhatikan di arena pendidikan bahasa. Contohnya, terdapat ayat pasif yang membawa makna nosional “membuat” (aktif) dari segi struktur sintaksis. Soal pertentangan aktif-pasif ini perlu diteliti dengan memperhatikan perbezaan ragam kerja antara bahasa Melayu dan bahasa Eropah. Dalam hal ini, idea pembezaan PASIF JATI (*zuiver passief*) dari PASIF BERPELAKU (*subjectief passief*) yang dikemukakan oleh Hollander (1856) membawa kepada penemuan idea KONSTRUKSI ERGATIF secara tidak langsung dalam kajian apa yang dinamakan “ayat pasif” secara tradisional dalam bahasa Melayu. Dengan idea baru ini, soal kasus nama bahasa Melayu juga dapat dibincangkan dalam kerangka ayat bahasa Melayu yang tersendiri. Makalah ini akan meneliti semula fungsi ragam kerja bahasa Melayu, berdasarkan fakta bahasa dan kajian yang dihasilkan sejak abad ke-19 dalam sejarah kajian tatabahasa bahasa Melayu.

Abstract

The meanings of voices of verbs in the Malay language have been taught in a dichotomy between active and passive, being based only formally on the framework of modern European languages. As a result, less attention has been paid on the linguistic facts that have existed since the era of classical Malay, in the arena of language education. We often find, for example, passive sentences of Malay that bear notional active meaning of “A acts upon B” in the syntactic structure of a sentence. This

opposition of active-passive voices needs to be examined by observing the differences of voices between Malay and European languages. In this respect, an idea of distinguishing PURE PASSIVE (zuiver passief) from AGENTIVE PASSIVE (subjectief passief) proposed by Hollander (1856) leads indirectly to the finding of an idea of ERGATIVE CONSTRUCTION in the study of the traditionally so-called "passive sentence" of Malay. By using this new idea, the problem of nominal cases of Malay could also be discussed in its own framework of sentence. This article will reexamine the functions of voices of verbs in Malay, being based on the linguistic facts and the findings that were produced since the 19th century in the history of the study of Malay grammar.

PENDAHULUAN

Soal ragam kerja bahasa Melayu yang telah lama diperdebatkan sejak abad ke-19 memperlihatkan suatu perkembangan baharu setelah idea KONSTRUKSI ERGATIF diperkenalkan pada tahun 1970-an. Pokok persoalan ini sebenarnya berpunca daripada kajian J.J. de Hollander (1856:78–93) yang menggolongkan konstruksi kata kerja pasif bahasa Melayu kepada PASIF JATI (*zuiver passief*), PASIF BERPELAKU (*subjectief passief*), dan PASIF AKSIDENTAL (*accidenteel passief*), sebagaimana yang dibangkitkan oleh T. Roorda dalam kajian bahasa Jawa.

Para pengkaji bahasa Melayu dari negara Belanda yang terdorong oleh kajian Hollander tersebut mulai meneliti ciri ‘aktif’ yang didapati dalam kata kerja pasif. Spat (1920) dan Emeis (1945, 1946), misalnya menganggapnya sebagai BENTUK TASRIF (*vervoegde vormen*), manakala Mees (1969) pula memparafrasakannya BENTUK PERSONA. Sejajar dengan perkembangan kajian ragam kerja, Haaksma (1933) dan Gonda (1938, 1943, 1949a, 1949b) juga membahaskan persoalan ini dalam skop kajian bahasa Nusantara.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti ciri konstruksi ‘ergatif’ yang didapati dalam apa yang dinamakan ayat pasif secara tradisional dalam tatabahasa bahasa Melayu. Dalam hal ini, soal kerangka ayat [Subjek (S) + Predikat (P)] yang diertikan dalam wadah bahasa Eropah juga akan dibahaskan secara kritis.

Permasalahan

Ciri khas ragam kerja bahasa Melayu sukar difahami jika bentuk kata kerja dihuraikan di peringkat morfologi sahaja. Fungsi ragam kerja bahasa

Melayu dapat dilihat dengan lebih jelas di peringkat morfo-sintaksis, misalnya dengan memerhatikan pengguguran satuan sintaksis yang berkaitan dengan konstruksi verbal dalam struktur ayat majmuk.

Dalam tradisi tatabahasa bahasa Melayu, pengguguran frasa nama yang sama dalam ayat majmuk selalunya diterangkan dalam kerangka ayat [Subjek (S) + Predikat (P)]. Misalnya, frasa nama subjek yang sama dalam ayat majmuk dapat digugurkan berdasarkan persamaan fungsi sintaksisnya, iaitu:

$$[[S_1 + P_1]_{\text{klausa}} + [S_1 + P_2]_{\text{klausa}} + \dots + n]_{\text{ayat majmuk}} = [S_1 (P_1 + P_2 + \dots + P_n)]_{\text{ayat majmuk}}$$

Dalam kerangka ayat majmuk ini, pengguguran frasa nama seperti yang berlaku dalam ayat majmuk (1a) di bawah dipersoalkan kegramatisannya dari segi konstruksi verbal.

- (1) Seorang anggota tentera yang dipercayai menghadapi masalah rumah tangga mengamuk dengan melepaskan beberapa das tembakan rambang menggunakan raifal automatik M16 di rumah mentuanya di Tanjung Chat, di sini awal pagi ini. (a) *Anggota tentera berpangkat lans koperal itu bagaimanapun berjaya diberkas oleh polis dan tentera selepas memujuknya di sebuah rumah kira-kira pukul 7.15 pagi, iaitu selepas tiga jam kejadian itu berlaku.*

(Utusan Malaysia, 18/6/2001)

Pengguguran frasa nama subjek yang berlaku dalam ayat majmuk (1a) dihuraikan di bawah:

- (1a)(i) *Anggota tentera berpangkat lans koperal itu*₁, bagaimanapun berjaya **diberkas** oleh *polis dan tentera*₂, selepas \emptyset ₂, *memujuknya*₁, di sebuah rumah kira-kira pukul 7.15 pagi, iaitu selepas tiga jam kejadian itu berlaku.

Dalam struktur ayat majmuk ini, pengguguran frasa nama berlaku di gatra \emptyset_2 yang berfungsi sebagai gatra Subjek terhadap kata kerja aktif *memujuk* dalam klausa subordinat. Ayat majmuk seperti ini dianggap tidak gramatis oleh sesetengah tatabahasawan kerana pengguguran frasa nama itu tidak dapat diterangkan berdasarkan persamaan subjek antara klausa utama dan klausa subordinat. Hal ini demikian kerana (i) frasa nama subjek yang digugurkan di gatra \emptyset_2 dalam klausa subordinat itu merujuk kepada unsur namaan *polis dan tentera* dalam frasa preposisi agentif *oleh*

dalam klausa utama, dan (ii) frasa nama *anggota tentera berpangkat lans koperal itu* yang dianggap berfungsi sebagai subjek terhadap kata kerja pasif *diberkas* dalam klausa utama diulang dalam bentuk sulih *-nya* yang berfungsi sebagai objek terhadap kata kerja aktif *memujuk* dalam klausa subordinat. Hal ini digambarkan dalam Jadual 1:

Jadual 1 Unsur yang digugurkan dalam ayat (1a) disusun semula.

anggota tentera berpangkat lans koperal itu (SUBJEK)	berjaya <i>diberkas</i>	oleh <i>polis dan tentera</i> (KETERANGAN AGENTIF)
<i>polis dan tentera</i> (SUBJEK)	<i>memujuk</i>	-nya (OBJEK)

Sesetengah tatabahasawan akan mendakwa supaya bentuk kata kerja pasif *diberkas* ditukarkan kepada bentuk aktif *memberkas* secara manipulatif. Dengan ini, pengguguran frasa nama dapat dijelaskan berdasarkan persamaan subjek dalam kerangka ayat majmuk $[[S_1 + P_1] + [S_1 + P_2]] = [S_1 (P_1 + P_2)]$, seperti yang ditunjukkan dalam (1a)(ii):

- (1a)(ii) *Polis dan tentera*₂ bagaimanapun berjaya **memberkas** *anggota tentera berpangkat lans koperal itu*₁ selepas \emptyset ₂ **memujuk-nya**₁ di sebuah rumah kira-kira pukul 7.15 pagi, iaitu selepas tiga jam kejadian itu berlaku.

Dalam struktur ayat majmuk (1a)(ii), frasa nama yang digugurkan di gatra \emptyset ₂ yang berfungsi sebagai gatra Subjek terhadap kata kerja aktif *memujuk* dalam klausa subordinat merujuk kepada frasa nama *polis dan tentera* yang juga berfungsi sebagai subjek terhadap kata kerja aktif *memberkas* dalam klausa utama, seperti digambarkan dalam Jadual 2:

Jadual 2 Unsur yang digugurkan dalam ayat (1a)(ii) disusun semula.

<i>polis dan tentera</i> (SUBJEK)	berjaya <i>memberkas</i>	anggota tentera berpangkat lans koperal itu (OBJEK)
<i>polis dan tentera</i> (SUBJEK)	<i>memujuk</i>	-nya (OBJEK)

Bagaimanapun, kaedah pertukaran dan penyeragaman ragam kerja seperti yang dimanipulasikan dalam ayat majmuk (1a)(ii) tidak dapat dikenakan ke atas kata kerja dasar yang didapati dalam ayat majmuk (2).

- (2) “Ah, jangan,” **kata-nya**₁ pula dengan lemah, lalu \emptyset_1 **mengejapkan** matanya.

(Belenggu, 1982:67)

Dalam ayat majmuk (2), kata kerja dasar *kata* yang diimbuhi dengan kata ganti nama diri ke-3 *-nya* dalam bentuk klitik tidak ditandai ragam kerjanya secara morfologis, manakala kata kerja *mengejapkan* (< ke₁ap) disusun dalam ragam aktif *me(N)-* dari segi morfologis. Dalam hal ini, unsur yang dapat mengisi gatra Subjek \emptyset_1 , merujuk kepada Agen diri ke-3 *-nya* yang diimbuhkan kepada kata kerja dasar *kata* tersebut.

PERSOALAN:

Dua persoalan hendak dikemukakan di sini, iaitu:

- (i) Adakah fungsi Keterangan-Agen dalam konstruksi ayat pasif dapat disamakan dengan fungsi Subjek-Agen dalam konstruksi ayat aktif *me(N)-* dalam bahasa Melayu?
- (ii) Adakah kedua-dua ayat aktif dan ayat pasif dalam bahasa Melayu patut dianalisis dalam kerangka ayat [Subjek (S) + Predikat (P)] dari segi sintaksis, sebagaimana yang berlaku dalam bahasa Eropah?

1.0 Fungsi Ragam Kerja dalam Bahasa Melayu

Perhatian terhadap ragam kerja dalam tatabahasa bahasa Melayu lazimnya ditumpukan kepada proses pertukaran imbuhan yang dikenakan ke atas bentuk morfologis kata kerja sahaja. Dalam penghuraian proses morfologi ini sahaja, sifat ragam kerja bahasa Melayu tidak dapat difahami secara mendalam dari segi fungsinya yang dijalankan dalam sesebuah ayat. Oleh hal yang demikian, fungsi ragam kerja itu perlu diteliti semula dalam ayat yang sebenarnya wujud, dari segi morfologis, sintaksis, dan semantik.

1.1 Bentuk Morfologis dalam Kata Kerja Aktif

Ragam kerja aktif bahasa Melayu ditandai dengan awalan *me(N)-* yang diimbuhkan kepada POKOK VERBAL (istilah Mees, 1969:163). Dengan ini, frasa nama yang bertindak di sebelah kiri kata kerja transitif aktif *me(N)-* dapat dikenal pasti sebagai Subjek-Agen dari segi sintaksis-semantik. Misalnya:

- (3) *Gadis Pantai*₁ **memiringkan** badan, dipeluk-*nya*₁ bayinya dan dicitium-*nya*₁ rambutnya.

(*Gadis Pantai*, 1990:177)

Dalam ayat majmuk (3), frasa nama *Gadis Pantai* dapat dikenal pasti sebagai Subjek-Agen di sebelah kiri kata kerja transitif aktif *memiringkan* (< miring), manakala frasa nama *badan* (= *badan Gadis Pantai*) yang bertindak di sebelah kanan kata kerja berkenaan berfungsi sebagai Objek-Pasien dalam susunan [Subjek-Agen + *me(N)*-pokok verbal + Objek-Pasien] dari segi sintaksis-semantik.

Penanda aktif seperti yang didapati dalam fungsi awalan *me(N)*- dalam bahasa Melayu (BM) tidak dapat dijumpai dalam bahasa Eropah. Misalnya, *memiringkan diri* (BM): *make oneself aslant* (bahasa Inggeris), *zich schuin houden* (bahasa Belanda), dan *sich neigen* (bahasa Jerman). Tiap-tiap kata kerja transitif utama *make*, *houden*, dan *neigen* dalam ketiga-tiga ungkapan ini berfungsi sebagai ragam kerja aktif dalam bentuk tak bertanda. Perlu ditekankan bahawa ciri morfologis daripada ragam kerja aktif dalam bahasa Melayu dapat dilihat dalam penanda aktif *me(N)*- yang berbentuk awalan.

Fungsi Penanda Ragam Kerja Aktif *me(N)*-:

- (i) Awalan *me(N)*- yang diimbuhkan kepada pokok verbal menandai frasa nama yang bertindak di sebelah kiri kata kerja transitif berkenaan sebagai Agen.
- (ii) Penanda morfologis ragam kerja aktif tidak wujud dalam kata kerja transitif aktif dalam bahasa Eropah.

Dalam pada itu, apabila struktur ayat berkenaan disusun secara songsang, hubungan sintaksis antara subjek, kata kerja dan objek akan menjejaskan kejelasan makna ayat, seperti yang dimanipulasikan berikut:

- (3)(i) ***Memiringkan** *Gadis Pantai* badan, dipeluknya bayinya dan dicitumnya rambutnya.

Kejelasan makna ayat ini terjejas kerana frasa nama *Gadis Pantai* bertindak di sebelah kanan kata kerja berawalan *me(N)*-. Untuk memperjelas hubungan sintaksis-semantik antara unsur-unsur ayat (3)(i) ini, bentuk kata kerja *memiringkan* itu perlu ditukarkan kepada ragam pasif *dimiringkan*, seperti berikut:

- (3)(ii) **Dimiringkan** *Gadis Pantai*, (*akan*) bandan, dipeluk-nya, bayinya dan dicium-nya, rambutnya.

[Catatan: Kata preposisi *akan* berfungsi sebagai penanda Objek-Pasien yang opsyenal.]

Dalam struktur sintaksis (3)(ii), hubungan antara satuan peranan semantik dalam ayat tetap dipertahankan. Maksudnya, frasa nama *Gadis Pantai* yang dihubungkan secara ANEKSI (istilah Mees, 1969:210) dengan kata kerja pasif *dimiringkan* berperanan sebagai Agen, manakala frasa nama *badan* pula berperanan sebagai Pasien terhadap kata kerja berkenaan.

1.2 Bentuk Morfologis dalam Kata Kerja Pasif

Pembezaan PASIF JATI (*zuiver passief*) dari PASIF BERPELAKU (*subjectief passief*) yang dikemukakan oleh Hollander (1856:78–85) bermanfaat untuk memahami ciri khas ragam kerja pasif bahasa Melayu, dalam perbandingannya dengan bahasa Eropah.¹

Pertama-tama, konstruksi kata kerja berawalan *di-* tanpa Agen dan juga konstruksi kata kerja berawalan *di-* bersama frasa preposisi agentif *oleh* dilihat oleh Hollander sebagai PASIF JATI. Dengan istilah “jati” dimaksudkan bahawa kehadiran awalan *di-* dalam kata kerja pasif bahasa Melayu dipadankan dengan pengukur bentuk pasif dalam bahasa Eropah.² Hal ini demikian kerana ayat pasif dalam bahasa Eropah dibentuk dari kata kerja bantu bersama partisipel lampau kata kerja, seperti dalam bentuk “*BE + partisipel lampau*” (bahasa Inggeris), “*WORDEN + PARTISPEL LAMPAU*” (bahasa Belanda), dan “*WERDEN + PARTISPEL LAMPAU*” (bahasa Jerman).

Dalam ketiga-tiga bahasa Eropah tersebut, unsur Agen sama sekali tidak mempengaruhi konjugasi kata kerja bantu kerana bentuk kata kerja bantu *BE*, *WORDEN*, dan *WERDEN* ditentukan oleh unsur Subjek-Pasien secara sintaksis-morfologis, berdasarkan keserasian nahuan (*grammatical*

1 Hollander menggunakan istilah bahasa Belanda *subject/subjectief* dalam erti kata “pelaku” atau “agen” dalam keseluruhan karyanya. Begitu juga, istilah bahasa Belanda *object/objectief* diertikan sebagai “pasien” atau “penderita”. Oleh hal yang demikian, istilah bahasa Belanda *subjectief passief* patut diterjemahkan sebagai “pasif berpelaku” dalam bahasa Melayu.

2 Klinkert (1898:20, 41) menganggap awalan *di-* sebagai bentuk singkatan dari kata kerja *djadi = jadi (ja + di)*. Idea ini dicipta berdasarkan konstruksi pasif bahasa Belanda: [*WORDEN* (= menjadi) + Partisipel Lampau (= pokok verbal)]. Akan tetapi, idea ini tidak sukar diterima.

agreement) antara subjek sintaksis dan kata kerja bantu.³ Dari ini, awalan *di-* dalam kata kerja pasif bahasa Melayu kiranya disamakan oleh Hollander dengan fungsi kata kerja bantu dalam ayat pasif bahasa Eropah. Maksudnya, kata kerja berawalan *di-* dinamakan “pasif jati” dari segi morfo-sintaksis, berdasarkan kriteria bahasa Eropah. Dalam hal ini, kehadiran unsur Agen yang diantar oleh kata preposisi agentif *by* (bahasa Inggeris), *door* (bahasa Belanda), atau *von* (bahasa Jerman) tergantung pada konteks wacana, dan bukannya diwajibkan secara nahuan dalam ayat pasif bahasa Eropah.

Ayat pasif jati *di-* tanpa Agen dan ayat pasif jati *di-* bersama frasa preposisi agentif *oleh* diberi dalam dua contoh yang dipetik dari bahasa Melayu moden:

- (4) Barangkali juga kalau ada yang berani menyampaikannya, (a) *nasihat itu tiada akan disambut dengan senang hati.*

(Belenggu, 1982:11)

- (5) Demikianlah kita semuanya [...] semua manusia demikian juga, (a) *begitulah kita sebagai dibelenggu oleh angan-angan, masing-masing oleh angan-angannya sendiri-sendiri.*

(Belenggu, 1982:104)

Dalam ayat (4a), kata kerja *disambut* dilihat sebagai pasif jati *di-* tanpa Agen, dan frasa nama *nasihat itu* dianggap berfungsi sebagai subjek sintaksis terhadap kata kerja berkenaan, berdasarkan kriteria bahasa Eropah. Begitu juga, kata kerja *dibelenggu* dalam ayat (5a) dilihat sebagai pasif jati *di-* bersama frasa preposisi agentif *oleh*. Frasa nama *kita* dianggap berfungsi subjek sintaksis, manakala frasa preposisi agentif *oleh angan-angan* berfungsi sebagai ajung adverbial. Dalam hal ini, kehadiran frasa preposisi agentif *oleh* tidak wajib secara nahuan, tetapi tergantung pada konteks wacana.

Selanjutnya, apa yang dinamakan konstruksi PASIF BERPELAKU hendak diuraikan dengan mencontohkan ayat bahasa Melayu moden. Misalnya:

- (6) Dipegang Tono kedua belah bahu Yah: “Mengapa Yah, (a) *engkau tiada akan kulepaskan lagi.*”

(Belenggu, 1982:36)

3 Bahasa Inggeris telah kehilangan kebanyakan konjugasinya dalam sejarah perkembangan bahasa.

(7) Engkau Har, (a) *cita-citamu engkau lepaskan*, cita-citamu menjadi *sky-scraper*, entah apa lagi, engkau lepaskan untuk bermimpi berangan-angan memimpin massa.

(Belenggu, 1982:103)

(8) Tiba-tiba Tini berdiri, kerusi jatuh ke belakang, (a) *bukunya dicampakkannya di atas meja*.

(Belenggu, 1982:23)

(9) Dalam beberapa hari saja di pekarangan tempat mereka tinggal sudah ribut saja kerana dua puluh ekor anjing kecil-kecil. (a) *Tetapi beberapa hari kemudian anjing-anjing itu tiada lagi diendahkan Hartono*.

(Belenggu, 1982:95)

Satu ciri khas pasif berpelaku dalam bahasa Melayu dapat dilihat dalam bentuk kata kerja yang disertai oleh unsur Agen secara aneksi, dengan tidak mengira sama ada Agen itu dinyatakan dalam bentuk kata ganti nama diri atau dalam bentuk kata nama mandiri (= substantif). Dalam contoh (6) – (9) di atas, kata kerja *kulepaskan* (6a), *engkau lepaskan* (7a), *dicampakkannya* (8a), dan *diendahkan Hartono* (9a) dinamakan pasif berpelaku kerana unsur Agen diikatkan secara aneksi dengan pokok verbal masing-masing. Maksudnya, *ku-* (6a), *engkau* (7a), *-nya* (8a), dan *Hartono* (9a) berperanan sebagai Agen terhadap pokok verbal masing-masing. Bentuk pasif berpelaku yang demikian tidak wujud dalam ayat pasif bahasa Eropah. Oleh kerana itu, pasif berpelaku dalam bahasa Melayu dinamakan PASIF SEMU oleh Asmah (1982:89).

Konstruksi Pasif Berpelaku:

- (i) Unsur Agen diikatkan secara aneksi dengan pokok verbal.
- (ii) Bentuk kata kerja ditentukan oleh unsur Agen secara semantik-morfologis.

Perlu ditekankan bahawa bentuk pasif berpelaku dalam bahasa Melayu ditentukan secara semantik-morfologis oleh unsur Agen, bukannya oleh unsur Pasien. Hal ini berbeza dengan konstruksi pasif bahasa Eropah yang memperlihatkan keserasian nahuan antara Subjek-Pasien dan kata kerja bantu secara sintaksis-morfologis. Kehadiran Agen dalam pasif berpelaku diwajibkan secara nahuan dalam bahasa Melayu. Jika nama diri Agen tidak perlu dinyatakan dalam konteks wacana, maka wajiblah digunakan

bentuk pasif jati *di-* tanpa frasa preposisi agentif *oleh*.

1.3 Makna Aktif “membuat” dalam Konstruksi Pasif

Dalam bahasa Melayu sering dijumpai ayat pasif yang memperlihatkan percanggahan antara bentuk morfologis kata kerja dan pengertian makna. Dengan perkataan lain, ayat pasif membawa makna nosional “membuat” (aktif) dari segi struktur sintaksis. Misalnya:

- (10) Berapa tahun kau sudah tinggal di sini? Tujuh? Kau tak mau jawab pertanyaanku? (a) *Jawabanmu mau kudengar*. Hanya jawaban.

(*Gadis Pantai*, 1990:77)

- (11) “Bendoromu yang suruh kau ke mari?”, “Tidak”, “Siapa suruh kau?”, “Siapa? Siapa? Aku sendiri!”, “(a) *Mengapa Gadis Pantai mau kau bunuh?*”

(*Gadis Pantai*, 1990:156)


- (12) Mengapa dia hendak memutar nob tadi, hendak mendengar suara dari tempat yang tidak nampak? (a) *Suara dari dalam hatinya hendak dibenamkannya?*

(*Belunggu*, 1982:50)

Ketiga-tiga ayat pasif (10a), (11a) dan (12a) disusun dalam kerangka [Subjek-Pasien + KKj. bantu + KKj. pasif berperilaku] yang digunakan secara tradisional dalam tatabahasa sekolah. Namun, tiap-tiap ayat pasif ini membawa makna nosional “membuat” (aktif) dari segi struktur sintaksis. Maksudnya, dalam ayat (10a), sumber “kemahuan” dari kata kerja bantu *mau* (= *mahu*) ada pada Agen *ku-* yang beraneksi dengan pokok verbal *dengar*, bukannya pada frasa nama *jawabanmu* yang berfungsi sebagai Subjek-Pasien. Begitu juga dengan ayat (11a), sumber “kemahuan” dari kata kerja bantu *mau* (= *mahu*) ada pada Agen *kau-* yang beraneksi dengan pokok verbal *bunuh*, bukannya pada frasa nama Subjek-Pasien *Gadis Pantai*. Dalam ayat (12a) pula, sumber “kehendak” dari kata kerja bantu *hendak* ada pada Agen *-nya* yang beraneksi dengan pokok verbal *dibenamkan*, bukannya pada frasa nama Subjek-Pasien *suara dari dalam hatinya*. Daripada ini jelas bahawa ketiga-tiga frasa nama yang dianggap berfungsi sebagai Subjek-Pasien terhadap kata kerja pasif berperilaku itu tidak mempunyai pertalian sintaksis secara langsung dengan kata kerja bantu masing-masing. Oleh hal yang demikian, ketiga-tiga ayat tersebut

masing-masingnya dapat disamakan dengan konstruksi ayat aktif: *Aku mau mendengar jawapanmu*; *Mengapa kau mau membunuh Gadis Pantai?*; dan *Ia hendak membenamkan suara dari dalam hatinya* yang kesemuanya membawa makna nosional “membuat” (aktif).

Untuk memahami huraian yang diberikan di atas, terjemahan ke dalam bahasa Eropah dapat dimanfaatkan. Misalnya, lihat terjemahan bagi ayat (11a):



- (11)(i) “Did the Bendoro send you here?”, “No.”, “Who did?”, “No one. I just came”, “(a) *Why did you want to kill my daughter?*”

(*The Girl from the Coast*, 1991:152)

- (11)(ii) ‘Heeft je Bendoro je hierheen gestuurd?’, ‘Nee’, ‘Wie heeft je dan gestuurd?’, ‘Niemand. Ik ben uit mijzelf gekomen’, ‘(a) *Waarom wilde je het meisje van het strand vermoorden?*’

(*Meisje van het Strand*, 1989:190)

- (11)(iii) “Hat dieser Bendoro dich hierhergeschickt?”, “Nein, Wer hat dich dann geschickt?”, “Wer? Wer mich geschickt hat? Ich bin aus eigen Stücken hier!”, “(a) *Warum wolltest du meine Tochter umbringen?*”

(*Die Braut des Bendoro*, 2001:212)

Sebagaimana yang dapat dilihat dalam terjemahan di atas, kata kerja bantu *mau* (= *mahu*) dalam ayat (11a) diertikan dengan kata kerja utama *want* (11a)(i), kata kerja bantu *wilde* (11a)(ii), dan kata kerja bantu *wolltest* (11a)(iii). Dalam terjemahan bahasa Inggeris, sumber “kemahuan” daripada kata kerja utama *want* ada pada frasa nama subjek *you* dari segi sintaksis. Kata kerja bantu *wilde* (< *willen*) dalam bahasa Belanda berkeserasian nahuan dengan frasa nama subjek sintaksis *je* (ganti nama diri ke-2, bilangan tunggal), manakala kata kerja bantu *wolltest* (< *wollen*) dalam bahasa Jerman berkeserasian nahuan dengan frasa nama subjek sintaksis *du* (ganti nama diri ke-2, bilangan tunggal) dari segi sintaksis-morfologis. Jelas dari ini bahawa kesemua terjemahan

ini menggunakan konstruksi aktif, dan sumber “kemahuan” itu tidak ada pada frasa nama subjek *Gadis Pantai* (= *my daughter, het meisje van het strand, meine Tochter*) yang berperanan sebagai Pasien.

Perbincangan soal aktif-pasif yang diberikan dalam bahagian ini mendedahkan satu pertanyaan mengenai konstruksi pasif, iaitu “*Mengapakah frasa nama Subjek-Pasien dalam ayat pasif (10a), (11a), dan (12a) tidak dapat dihubungkan secara langsung dengan kata kerja bantu mau atau hendak dari segi sintaksis, tetapi sebaliknya unsur Agen dalam kata kerja pasif berperilaku mempunyai pertalian sintaksis dengan kata kerja bantu itu?*”⁴

Berhubung dengan persoalan ragam kerja tersebut, Badudu (1980) dan Abdul Chaer (1984) mengecam penggunaan kata kerja pasif yang digabungkan dengan kata-kata seperti *mahu* (= *mau*), *hendak*, *ingin*, *suka*, *senang*, *berhasil* (*berjaya*), *berhak*, *bersedia*, seperti yang didapati dalam ayat (10a), (11a), dan (12a), dari sudut kesalahan bahasa. Bagaimanapun, ternyata struktur ayat yang sedemikian kerap kali dijumpai dalam bahasa Melayu/Indonesia moden, malahan dalam bahasa Melayu klasik juga.⁵

2.0 Langkah-Langkah Analisis Fungsi Ragam Kerja

Bentuk ragam kerja bahasa Melayu lazimnya dilihat dalam dikotomi aktif dan pasif yang diukur dalam wadah bahasa Eropah. Dalam wadah ini, masalah ragam kerja bahasa Melayu seperti yang dibangkitkan dalam bahagian 1.3 dijadikan sasaran kritikan oleh sesetengah tatabahasawan dari segi kesalahan tatabahasa. Dalam bahagian yang selanjutnya, fungsi ragam kerja yang dinamakan ragam “pasif” dalam bahasa Melayu akan dibincangkan mengikut tiga langkah analisis, iaitu (i) Bentuk Berpersona,

4 Terdapat juga ayat pasif yang membawa makna nosional “kena buat” (pasif): “*engkau mengharapkan cintaku, engkau, engkau hendak kupuji*” (Belunggu, hlm. 53). Terjemahannya dalam bahasa Inggeris berbunyi: “*You wanted me to love and care for you*” (Shackles, hlm. 44). Dalam ayat bahasa Melayu, sumber “kehendak” dari kata *hendak* ada pada frasa nama subjek *engkau*, bukannya pada Agen *ku-* yang beraneksi dengan pokok verbal *puji*. Ayat ini sebaiknya dihuraikan sebagai ayat majmuk pancangan yang mengambil klausa objek: *engkau hendak [engkau kupuji] → engkau hendak (engkau) kupuji → engkau hendak kupuji*. Maksudnya, kata *hendak* berfungsi sebagai kata kerja utama, bukannya sebagai kata kerja bantu.

5 Sasaki (1975) membincangkan masalah ragam kerja aktif-pasif secara kritis, berdasarkan karya-karya Tuuk (1867), Tendeloo (1901), Roorda (1906), Ophuijsen (1915), Kiliaan (1919), Waltheem (1920), Berg (1937), Gonda (1943), Uhlenbeck (1963), dan Mees (1969). Lihat lampiran.

(ii) Konstruksi Ergatif, dan (iii) Kasus Ergatif.

2.1 Analisis (I) --- Bentuk Berpersona

Kerangka ayat [Subjek-Pasien + KKj. bantu + KKj. pasif] telah lama diterapkan kepada analisis ayat pasif bahasa Melayu, berdasarkan kriteria bahasa Eropah. Kerangka ayat pasif ini lazimnya dipasangkan secara transformatif dengan kerangka ayat aktif [Subjek-Agen + KKj. bantu + KKj. aktif *me(N)-* + Objek-Pasien], seperti yang dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

- (13) Engkau tahu, Tono, di Mulo aku sudah suka dengan wiskunde. Aku suka mendengarkan keterangan guru wiskunde, tetapi selalu terasa padaku, keterangan itu belum cukup, masih ada yang tiada dapat dijelaskannya. Aku tiada pernah puas. Sekarang di sekolah tinggi ini, tiada juga berubah. (a) *Tiap-tiap perkara hendak kupelajari dalam-dalam, sepuas-puas hatiku*. Pekerjaan bertambah, tetapi tidak mengapa, hatiku puas. (b) *Aku tiada hendak menurut saja sebarang kata profesor*.

(Belenggu, 1982:98)

Dalam contoh ini, kata kerja pasif berpelaku *kupelajari* (13a) dan kata kerja aktif *menurut* (13b) digabungkan dengan kata kerja bantu modal *hendak* dalam ayat masing-masing. Sungguhpun konstruksi aktif (13b) tidak menimbulkan apa-apa masalah dalam pengertian ayat, namun masalah ragam kerja pasif dalam ayat (13a) baru terasa apabila konstruksi pasif berpelaku dihuraikan dalam gabungan antara KESATUAN FUNGSI SINTAKSIS [Subjek (S) + Predikat (P)] dan KESATUAN PERANAN SEMANTIK [Pasien + (Agen-)Perbuatan].

- (13a)(i) *Tiap-tiap perkara hendak kupelajari dalam-dalam, sepuas-puas hatiku*.

<i>ku-</i> (Keterangan-Agen)	<i>hendak</i> (KKj. bantu modal)
<i>tiap-tiap perkara</i> (Subjek-Pasien)	<i>kupelajari</i> (KKj. pasif berpelaku)

- (13b)(i) *Aku tiada hendak menurut saja sebarang kata profesor*.

<i>aku</i> (Subjek-Agen)	<i>hendak</i> (KKj. bantu modal)
<i>aku</i> (Subjek-Agen)	<i>menurut</i> (KKj. aktif)

Dalam huraian ini, ayat aktif (13b)(i) tetap memperlihatkan kesejajaran dalam pertalian antara kesatuan fungsi sintaksis dengan kesatuan peranan semantik, iaitu Subjek-Agen *aku* bertalian, dengan serentak, dengan kata bantu modal *hendak* dan kata kerja utama *menurut*. Sedangkan, jika ayat (13a)(i) dianalisis dalam kerangka sintaksis [S + P], suatu percanggahan akan berlaku dalam pertalian antara kesatuan fungsi sintaksis dengan kesatuan peranan semantik. Maksudnya, Subjek-Pasien *tiap-tiap perkara* dan kata kerja utama *kupelajari* memperlihatkan hubungan “kena buat” (pasif) dalam makna nosional di satu pihak, sedangkan Keterangan-Agen *ku-* bertalian dengan kata bantu modal *hendak* di pihak lain, iaitu sumber “kehendak” dari kata kerja bantu *hendak* ada pada Keterangan-Agen *ku-* yang beraneksi dengan pokok verbal *pelajari*. Percanggahan yang demikian menyebabkan pengertian “membuat” (aktif) dalam konstruksi pasif berpelaku *kupelajari*.

Spat yang mengikuti perdebatan soal ragam kerja bahasa Melayu pada awal abad ke-20 cuba menghindari persoalan seperti yang dibincangkan dalam ayat (13a). Menurutnya:

“Di sini lebih baik kita membincangkan Agen (*agens=bewerker*) daripada Subjek (*onderwerp*); jika Agen digambarkan sebagai Subjek ayat, sudah tentunya ayat itu aktif. Akan tetapi, apabila ragu-ragu sama ada sesuatu ayat bahasa Melayu patut diertikan sebagai aktif atau pasif, baiklah kita menghindari kata-kata Subjek (*onderwerp=subject*) dan Objek (*voorwerp=object*), melainkan membincangkan Agen (*bewerker=agens*) dan orang atau perkara yang mengalami perbuatan, iaitu Pasien (*patiens*)”. (1920:167).


Ciri ragam kerja bahasa Melayu perlu diteliti semula dari segi pembentukan kata kerja transitif dan juga fungsinya dalam ayat. Seperti dibincangkan dalam bahagian 1.1, ragam kerja aktif bahasa Melayu ditandai oleh awalan *me(N)-* secara morfologis. Dalam hal ini, unsur yang bertindak di sebelah kiri kata kerja transitif berawalan *me(N)-* dapat dikenal pasti sebagai Agen dalam keserasian ragam kerja, tanpa mengira perbezaan diri nahan Agen itu. Sebaliknya, unsur yang bertindak di sebelah kanan kata kerja transitif berawalan *me(N)-* tidak diberi fungsi Agen. Manakala kedua-dua ayat aktif bahasa Jerman (i) dan (ii), misalnya, membawa makna struktur yang sama dalam susunan yang berbeza: (i) *Er öffnete umständlich seine Zigarrendose* (ayat dasar) = (ii) *Umständlich öffnete er seine Zigarrendose* (ayat songsang) (= Dengan berlenggang-lenggang dia membuka kotak rokoknya). Perbezaan konsep ragam kerja

“aktif” antara bahasa Melayu dan bahasa Jerman, misalnya, dapat dilihat dalam hal ini.

Begitu juga, seperti dibincangkan dalam bahagian 1.2, bentuk morfologis kata kerja pasif bahasa Melayu, berbeza dengan bahasa Eropah, ditentukan oleh unsur Agen yang beraneksi dengan pokok verbal, tanpa dipengaruhi oleh unsur Pasien dari segi sintaksis-morfologis. Dari ini juga, bentuk kata kerja yang dinamakan “pasif” dalam bahasa Melayu sepatutnya diberi nama BENTUK BERPERSONA atau BENTUK TASRIF (*vervoegde vormen*) jika dilihat dari segi pembentukan kata kerja. Hal ini juga membayangkan bahawa pertalian antara unsur Pasien dengan kata kerja berpersona tidak dapat dikesan dalam kerangka [S + P] dari segi sintaksis. Unsur Pasien yang demikian sifatnya tidak sesuai diberi fungsi Subjek sintaksis walaupun didasarkan kepada kriteria bahasa Eropah. Hal yang sedemikian dinyatakan oleh Spat: “*Dalam terjemahan bahasa Belanda, orang menggunakan istilah aktif atau pasif menurut keperluan bahasa kita (bahasa Belanda); terjemahan ini tidak perlu dikaitkan secara langsung dengan penilaian bentuk kata kerja bahasa Melayu berkenaan.*” (1920:192).


Unsur-unsur satuan sintaksis yang berkaitan dengan keserasian ragam kerja bahasa Melayu tidak sepatutnya diukur dalam kerangka ayat [S + P] dari segi sintaksis. Jika fikiran kita dapat dilepaskan dari kongkongan kerangka sintaksis [S + P] tersebut, persoalan ragam kerja seperti dalam ayat (13a) kiranya dapat dibincangkan lagi dari sudut lain, berdasarkan andaian: “*Sekiranya pertalian antara unsur Agen dengan kata kerja utama dapat dianggap bersifat primer secara semantik-morfologis dalam pembentukan kata kerja aktif **me(N)**-, maka kata kerja bantu modal juga berfungsi secara sekunder ke atas pertalian primer itu dalam susunan ayat tunggal.*” Jika didasarkan kepada andaian ini, struktur ayat (13a) dan (13b) dapat digambarkan seperti berikut:

(13b)(ii) Aku tiada **hendak menurut** saja sebarang kata profesor.
(AKTIF **me(N)**-)



Berdasarkan huraian pertalian antara unsur-unsur satuan peranan semantik yang mengendalikan keserasian ragam kerja secara semantik-morfologis dalam ayat aktif (13b)(ii) ini, ayat (13a) juga dapat diterbitkan secara manipulatif dari ayat aktif, seperti digambarkan di bawah.⁶

(13a)(ii) Tiap-tiap perkara *hendak kupelajari* dalam-dalam, sepuas-puas hatiku



<i>aku-</i> (Subjek-Agen)	<i>hendak</i> (KKj. bantu modal)
<i>aku-</i> (Subjek-Agen)	<i>mempelajari</i> (KKj. aktif <i>me(N)-</i>)

<i>ku-</i> (Keterangan-Agen)	<i>hendak</i> (KKj. bantu modal)
<i>ku-</i> (Keterangan-Agen)	<i>pelajari</i> (pokok verbal)

Dalam gambaran (13a)(ii) dimaksudkan bahawa apabila bentuk aktif *me(N)-* ditukar kepada bentuk berpersona *kupelajari* secara semantik-morfologis, kata kerja bantu modal *hendak* mengekalkan pertalian sekundernya ke atas pertalian primer antara Agen diri pertama *ku-* dan pokok verbal *pelajari* secara tetap. Demikian juga hal yang sebaliknya. Dalam hal ini, unsur Pasien *tiap-tiap perkara* sama sekali tidak mempengaruhi pembentukan kata kerja berpersona *kupelajari* secara sintaksis-morfologis. Dari ini jelas bahawa sumber “kehendak” dari kata kerja bantu *hendak* itu ada pada Agen diri pertama *ku-* yang beraneksi dengan pokok verbal *pelajari*.

Seperti yang ditunjukkan dalam huraian (13a)(ii) di atas, ayat (13a)

6 Hal ini sama sekali tidak bermaksud bahawa bentuk aktif muncul lebih awal daripada bentuk berpersona atau pasif dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu. Lihat kritikan Gonda (1943:101–102) dan Sato (2007:29).

tidak memiliki sebarang frasa nama subjek sintaksis yang berdiri sendiri yang mempengaruhi pembentukan kata kerja berpersona. Frasa nama *tiap-tiap perkara* tidak dapat dianggap bertukar menjadi subjek sintaksis sebagaimana yang pada umumnya dianggap orang dalam proses pemasifan (*passivization*) daripada aktif kepada pasif. Maksudnya, frasa nama *tiap-tiap perkara* ini tetap berfungsi sebagai “Objek-Pasien” terhadap kata kerja berpersona *kupelajari* dalam struktur [Objek-Pasien + KKj. bantu + (Agen-)pokok verbal]. Dengan ini, huraian yang diberi dalam (13a)(i) dapat dinafikan dan perlu dibetulkan seperti huraian yang diberi dalam (13a)(ii).

Pembentukan ayat (13a) dapat diandaikan melalui penjudulan unsur Pasien (*thematization of Patient*) dan pemudaran ragam aktif kepada bentuk berpersona, seperti yang digambarkan berikut:

- (13a)(iii) *Tiap-tiap perkara*₁ **aku** hendak **mempelajari-nya**₁ dalam-dalam [...].
 ⇒ *Tiap-tiap perkara* hendak **ku-pelajari** dalam-dalam [...].

Frasa nama *tiap-tiap perkara* yang dijudulkan di awal ayat diulang oleh kata ganti nama diri *-nya* dalam bentuk klitik yang berfungsi sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja aktif *mempelajari*. Apabila kata kerja aktif *me(N)-* mengalami pemudaran ragam aktif, frasa nama *tiap-tiap perkara* itu berfungsi sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja berpersona *kupelajari* dan bertindak dalam kasus NEUTRAL kerana frasa nama ini tidak dapat digantikan dengan bentuk klitik *-nya* secara paradigmatis. Hal ini juga jelas dari ketiadaan pertalian sintaksis antara frasa nama *tiap-tiap perkara* dan kata kerja bantu *hendak* secara langsung.

- (13a)(iv) *Tiap-tiap perkara* hendak **ku-pelajari** dalam-dalam [...].
 (Objek-Pasien berkasus Neutral) (Keterangan-Agen berkasus Oblique)

Kasus Neutral yang ditanggung oleh frasa nama *tiap-tiap perkara* dapat dipastikan apabila ayat (13a) ditukar kepada ayat namaan (*nominal sentence*), seperti (i) [[*tiap-tiap perkara*]_{FN Predikat} [*yang hendak kupelajari dalam-dalam, sepuas-puas hatiku*]_{FN Subjek}], dalam perbandingannya dengan (ii) [[*aku*]_{FN Predikat} [*yang hendak mempelajari tiap-tiap perkara dalam-dalam, sepuas-puas hatiku*]_{FN Subjek}]. Dalam pertukaran ini, frasa nama *tiap-tiap perkara* yang berfungsi sebagai PREDIKAT namaan dalam ayat (i) diberi kasus yang sama dengan kasus yang ditanggung oleh frasa nama *aku* yang berfungsi sebagai PREDIKAT namaan dalam ayat (ii), iaitu kasus

Neutral. Manakala Agen *ku-* yang beraneksi dengan pokok verbal *pelajari* dalam ayat (i) diberi kasus OBLIQUE yang memperlihatkan ciri konstruksi ERGATIF.

2.2 Analisis (II) --- Konstruksi Ergatif

Dalam bahagian 2.1 telah diperkenalkan idea KONSTRUKSI ERGATIF yang membawa makna nosional “membuat” (aktif) dalam konstruksi kata kerja berpersona. Maksudnya, frasa nama yang berperanan sebagai Pasien terhadap kata kerja berpersona diberi fungsi objek sintaksis yang bertindak dalam kasus Neutral, manakala unsur Agen yang beraneksi dengan pokok verbal bertindak dalam kasus Oblique. Dalam tradisi tatabahasa bahasa Melayu, frasa nama Objek-Pasien yang demikian disalahertikan sebagai Subjek-Pasien dalam pengertian konstruksi pasif bahasa Eropah. Oleh hal yang demikian, ayat seperti (10a), (11a), (12a), dan (13a) diragui kegramatisannya oleh sesetengah tatabahasawan. Kesalahfahaman konstruksi pasif kiranya dapat dibuktikan melalui penghuraian (13a)(ii) – (13a)(iv) tadi.

Ciri khas konstruksi Ergatif yang didapati dalam frasa nama yang berfungsi sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja berpersona dapat dilihat dengan lebih jelas dalam contoh yang berikut:

- (14) Dengan riang hati Kartono pulang. [...] ketika membuka pintu ke ruang tengah, dia tertegun, tiada menyangka-nyangka Tini berbaring di sana. (a) *Terbit nafsunya hendak menghampiri isterinya, hendak diciumnya seperti dahulu*, tetapi tampak olehnya Tini diam saja, tiada tanda mengajak sedikit juga, dia tiada peduli.

(Belenggu, 1982:48)

Pengguguran frasa nama Objek-Pasien yang berlaku dalam ayat majmuk (14a) dapat digambarkan seperti yang berikut:

- (14a)(i) Terbit nafsunya hendak **menghampiri** *isterinya*₁, Ø₁ **hendak dicium-nya** (= *Kartono*) seperti dahulu.

(= *Momentarily he longed to go to her and kiss her as he often used to do before*). [Schackles, hlm. 41].

Dalam ayat majmuk ini, frasa nama yang digugurkan di gatra Objek-Pasien Ø₁ merujuk kepada frasa nama *isterinya* yang berfungsi sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja aktif *menghampiri* (< hampir). Dalam

hal ini, frasa nama *isterinya* itu bertindak dalam kasus Oblique terhadap kata kerja aktif *menghampiri* itu dan dapat digantikan dengan bentuk klitik *-nya* secara paradigmatis. Manakala frasa nama *isterinya* yang sama yang mengisi gatra \emptyset_1 tersebut bertindak dalam kasus Neutral terhadap kata kerja berpersona *dicumnya* kerana frasa nama ini dapat digantikan dengan bentuk utuh diri ke-3 *ia/dia* sahaja secara paradigmatis. Dalam hal ini, sumber “kehendak” dari kata kerja bantu *hendak* ada pada Agen *-nya* (= *Kartono*) yang beraneksi dengan kata kerja *dicum* itu.⁷

- (14a) (ii) Terbit nafsunya hendak **menghampiri** *isterinya*,
 (Objek-Pasien berkasus Oblique)
 \emptyset_1 hendak **dicumnya** seperti dahulu.
 (Objek-Pasien berkasus Neutral)

	FN <i>isterinya</i>	Pengisi gatra \emptyset_1
Fungsi Sintaksis	Objek	Objek
Peranan Semantik	Pasien	Pasien
Kasus Sintaksis	Oblique	Neutral

Dari ini dapat dikatakan secara hipotesis bahawa frasa nama yang berkasus Oblique dapat menjadi rujukan bagi pengisi gatra \emptyset_1 yang diberi kasus Neutral di kedudukan JUDUL KLAUSA (*theme of clause*).

Satu lagi ciri khas konstruksi Ergatif dapat dilihat dalam analisis pengguguran frasa nama Objek-Pasien dalam ayat majmuk (15a) yang berikut:

- (15) Sama-sama maklum, itulah yang tidak menyenangkan hati Doktor Sukartono. Orang lain sudah maklum akan tingkah laku isterinya kepadanya. “Mengapa kau berdiri juga, lekas bawa ke dalam!”

7 Nama kasus nahuan yang dipinjam dari bahasa Latin oleh sesetengah pengkaji bahasa Melayu dalam tatabahasa bahasa Melayu sepatutnya dielakkan, iaitu *Nominativus*, *Genitivus*, *Dativus*, *Accusativus*, *Ablativus*, dan *Vocativus*. Pinjaman nama kasus nahuan dari bahasa Eropah moden seperti *kasus Lokatif*, *kasus Instrumental*, dan *kasus Benefaktif* juga sepatutnya dielakkan kerana kata nama bahasa Melayu tidak memperlihatkan deklensinya mengikut sistem bahasa Eropah secara morfologis. Nama *kasus Neutral* dan *kasus Oblique* yang digunakan dalam makalah ini mencirikan bentuk kata ganti nama diri bahasa Melayu dalam *bentuk utuh* dan *bentuk klitik*. Kata nama mandiri bahasa Melayu dapat digantikan dengan kata ganti nama diri secara paradigmatis sahaja. Dalam hal ini, *kasus Neutral* dapat diertikan sebagai *kasus Rectus*.

Sikap karno itu pula, seolah-olah hendak mengece! (a) *Hendak terbit marahnya, tetapi dapat juga ditahannya*. Sulaman isterinya dilemparkannya ke lantai.

(Belenggu, 1982:1)

Pengguguran frasa nama Objek-Pasien yang berlaku dalam ayat majmuk (15a) dapat digambarkan seperti yang berikut:

(15a)(i) Hendak **terbit** marahnya₁ , tetapi \emptyset_1 dapat juga **ditahan-nya**
(= Sukartono).

Dalam ayat majmuk ini, frasa nama yang digugurkan di gatra Objek-Pasien \emptyset_1 merujuk kepada frasa nama *marahnya* yang berfungsi sebagai Subjek-Pengalami terhadap kata kerja tak-transitif *terbit*. Dalam hal ini, frasa nama *marahnya* itu bertindak dalam kasus Neutral terhadap kata kerja tak-transitif *terbit*, manakala frasa nama yang sama yang mengisi gatra \emptyset_1 juga bertindak dalam kasus Neutral terhadap kata kerja berpersona *ditahannya*, seperti digambarkan berikut:

(15a)(ii) Hendak **terbit** marahnya₁ ,
(Subjek berkasus Neutral)
tetapi \emptyset_1 dapat juga **ditahannya**.
(Objek-Pasien berkasus Neutral)

	FN <i>marahnya</i>	Pengisi gatra \emptyset_1
Fungsi Sintaksis	Subjek	Objek
Peranan Semantik	Pengalami	Pasien
Kasus Sintaksis	Neutral	Neutral

Huraian ini menunjukkan ciri khas konstruksi Ergatif dari segi sintaksis-morfologis kerana frasa nama yang berfungsi sebagai Objek terhadap kata kerja transitif berpersona bertindak dalam kasus yang sama dengan kasus yang ditanggung oleh frasa nama yang berfungsi sebagai Subjek terhadap kata kerja tak-transitif, iaitu kasus Neutral. Dengan serentakannya, unsur Agen yang beraneksi dengan pokok verbal itu bertindak dalam kasus Oblique. Dalam hal ini, kasus Oblique dapat juga diertikan sebagai kasus Ergatif dalam konstruksi Ergatif.⁸

8 Tafsiran konstruksi Ergatif yang diberikan oleh Lyons (1971:350–360) dan Crystal (1985:111–112) memutarbelitkan konstruksi Kausatif dan tidak menerangkan kasus Ergatif dengan cara yang betul.

2.3 Analisis (III) --- Kasus Ergatif

Dalam bahagian 2.2 telah dilihat ciri frasa nama yang bertindak sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja berpersona dalam konstruksi Ergatif. Dalam bahagian ini akan dibincangkan tentang unsur Agen yang bertindak dalam kasus Oblique secara aneksi terhadap pokok verbal.

- (16) “Ada yang hendak ibu katakan, bukan ibu?” kata *Tini*, sambil duduk di hadapan Nyonya Rusdio. “Katakanlah ibu, saya dengarkan. Tentu saya yang disalahkan, kerana ibu sayang akan suami saya.” (a) Kata “suami saya” itu *ditekannya*, seolah-olah hendak mengatakan yang hendak engkau singgung ini perkara kami sendiri. Nyonya Rusdio merasa juga akan maksud perkataan Tini itu.

(Belenggu, hlm. 43)

Dalam ayat majmuk (16a) berlaku pengguguran frasa nama Subjek-Agen yang bertindak dalam kasus Neutral, seperti yang digambarkan berikut:

- (16a)(i) Kata “suami saya” itu **ditekan-nya**₁ (= *Tini*), seolah-olah \emptyset_1 **hendak mengatakan** yang hendak engkau singgung ini perkara kami sendiri.

Frasa nama yang digugurkan di gatra Subjek-Agen \emptyset_1 merujuk kepada unsur Agen *-nya* (= *Tini*) yang beraneksi dengan kata kerja berpersona *ditekan* (= *ditekankan*). Dalam hal ini, Agen *-nya* (= *Tini*) bertindak dalam kasus Oblique/Ergatif dalam konstruksi Ergatif, manakala pengisi gatra \emptyset_1 pula bertindak dalam kasus Neutral terhadap kata kerja aktif *mengatakan* (< kata). Hal ini jelas kerana frasa nama *Tini* yang mengisi gatra itu dapat digantikan dengan bentuk utuh diri ke-3 *ia/dia* sahaja secara paradigmatic.

Dalam susunan ayat majmuk ini, sumber “kehendak” dari kata kerja bantu *hendak* dalam klausa setara kedua ada pada unsur Agen *ia/dia* (= *Tini*) yang dapat mengisi gatra Subjek-Agen \emptyset_1 berkenaan, bukannya pada frasa nama kata “suami saya” itu yang berfungsi sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja berpersona *ditekannya*.

- (16a)(ii) Kata “suami saya” itu **ditekan-nya**₁ (= *Tini*),
(Keterangan-Agen berkasus Oblique/Ergatif)

seolah-olah \emptyset_1 **hendak mengatakan** [...]

(Subjek-Agen berkasus Neutral)

	FN <i>-nya</i>	Pengisi gatra \emptyset_1
Fungsi Sintaksis Peranan Semantik Kasus Sintaksis	Keterangan Agen Oblique/Ergatif	Subjek Agen Neutral

Dari ini dapat dikatakan secara hipotesis bahawa frasa nama yang berkasus Oblique/Ergatif dapat menjadi rujukan bagi pengisi gatra \emptyset_1 yang diberi kasus Neutral di kedudukan judul klausa (*theme of clause*).

Berbalik kepada ayat (1a) yang dipersoalkan di awal makalah ini, pengguguran frasa nama subjek dapat diterangkan berdasarkan idea konstruksi Ergatif, seperti berikut:

- (1a)(i) *Anggota tentera berpangkat lans koperal itu*₁, bagaimanapun berjaya **diberkas** oleh *polis dan tentera*₂ selepas \emptyset_2 **memujuknya**₁, di sebuah rumah kira-kira pukul 7.15 pagi iaitu selepas tiga jam kejadian itu berlaku.

Dalam klausa utama yang disusun dalam konstruksi Ergatif, kata kerja tak-transitif *berjaya* berfungsi sebagai kata kerja bantu semu terhadap kata kerja utama *diberkas* (< *berkas*).⁹ Dalam hal ini, sumber “kejayaan” dari kata kerja bantu semu *berjaya* itu ada pada Agen *polis dan tentera* dalam frasa preposisi agentif *oleh*, bukannya pada frasa nama *anggota tentera berpangkat lans koperal itu* yang berfungsi sebagai Objek-Pasien terhadap kata kerja utama *diberkas*. Begitu juga, Agen *polis dan tentera* yang diantar oleh kata preposisi *oleh* mempunyai pertalian sintaksis secara primer dengan kata kerja utama *diberkas*. Bandingkan dengan huraian ayat (13a)(ii), (14a)(ii), dan (15a)(ii).

<i>polis dan tentera</i> (Agen)	<i>berjaya</i> (KKj. bantu semu)
<i>polis dan tentera</i> (Agen)	<i>diberkas</i> (KKj. utama)

Dalam klausa subordinat juga, unsur yang dapat mengisi gatra Subjek-Agen \emptyset_2 merujuk kepada Agen *polis dan tentera* yang diantar oleh kata preposisi *oleh* dalam klausa utama. Bandingkan dengan huraian ayat (16a)(i). Dalam hal ini, Agen *polis dan tentera* bertindak dalam kasus

⁹ Kata-kata seperti *berjaya*, *gagal*, *sanggup*, *terpaksa* dapat berfungsi sebagai kata kerja bantu semu.

Oblique terhadap kata preposisi *oleh* kerana unsur namaan ini dapat digantikan dengan bentuk diri ke-3 *-nya* dalam bentuk klitik secara paradigmatic. Manakala gatra Subjek-Agen \emptyset_2 diberi kasus Neutral terhadap kata kerja aktif *memujuk* kerana frasa nama *polis dan tentera* yang mengisi gatra ini dapat digantikan dengan bentuk utuh diri ke-3 *ia/dia* atau *mereka* secara paradigmatic.

(1a)(iii) *Anggota tentera [...] itu*₁ berjaya **diberkas** oleh *polis dan tentera*₂

(Keterangan-Agen berkasus Oblique)

selepas \emptyset_2 **memujuk-nya**₁ [...].

(Subjek-Agen berkasus Neutral)

	FN <i>polis dan tentera</i>	Pengisi gatra \emptyset_2
Fungsi Sintaksis	Keterangan	Subjek
Peranan Semantik	Agen	Agen
Kasus Sintaksis	Oblique	Neutral

Dari ini dapat dikatakan secara hipotesis bahawa frasa nama yang berkasus Oblique dapat menjadi rujukan bagi pengisi gatra \emptyset_2 yang diberi kasus Neutral di kedudukan JUDUL KLAUSA (*theme of clause*).

Dalam penghuraian ayat (1a)(iii) tersebut, fungsi frasa preposisi agentif *oleh polis dan tentera* dapat dibandingkan dengan fungsi kasus Ergatif, seperti yang dapat dilihat dalam huraian ayat (16a)(ii). Perbezaannya didapati dalam hal bahawa frasa preposisi agentif *oleh* tidak diikatkan secara aneksi dengan kata kerja *di-* sahaja. Perbincangan yang diberi dalam penghuraian ayat (1a)(iii) dapat disimpulkan seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3 Unsur yang digugurkan dalam ayat (1a) disusun semula.

anggota tentera berpangkat lans koperal itu (OBJEK)	berjaya diberkas	oleh <i>polis dan tentera</i> (KETERANGAN AGENTIF)
<i>polis dan tentera</i> (SUBJEK)	memujuk	-nya (OBJEK)

KESIMPULAN

Dalam tradisi kajian tatabahasa Melayu, soal ragam kerja aktif-pasif dalam bahasa Melayu dibincangkan dari segi morfo-sintaksis, berdasarkan kerangka ayat [Subjek (S) + Predikat (P)] yang dipinjam dari tatabahasa

bahasa Eropah. Namun, ciri ragam kerja bahasa Melayu sebenarnya belum cukup diteliti dari segi semantik. Bahasa Eropah tidak memiliki penanda aktif seperti awalan *me(N)-* dalam bahasa Melayu. Penanda aktif *me(N)-* ini berfungsi untuk menandai frasa nama yang bertindak di sebelah kiri kata kerja transitif berkenaan sebagai Agen, tetapi bahasa Eropah yang masih mempertahankan fleksi kata namaan tidak memerlukan penanda aktif kerana kasus nama berperanan penting untuk memperlihatkan keserasian nahuan antara Subjek-Agen dan kata kerja. Lihat bahagian 1.1.

Bentuk kata kerja yang dinamakan “pasif” secara tradisional dalam bahasa Melayu sepatutnya diberi nama BENTUK BERPERSONA atau BENTUK TASRIF kerana bentuk kata kerja ini ditentukan oleh unsur Agen sahaja tanpa dipengaruhi oleh unsur Pasien. Hal ini berbeza dengan pasif bahasa Eropah yang memperlihatkan keserasian nahuan antara Subjek-Pasien dan kata kerja bantu. Lihat bahagian 1.2.

Satu lagi ciri ragam kerja bahasa Melayu dapat dilihat dalam kasus sintaksis yang ditanggung oleh satuan peranan semantik, iaitu Agen dan Pasien. Dalam pengertian konstruksi pasif, frasa nama yang berperanan sebagai Pasien diberi kasus Neutral dan dianggap berfungsi sebagai subjek terhadap kata kerja pasif dalam kerangka ayat [Subjek-Pasien + KKj. pasif] dari segi sintaksis-semantik. Fungsi Agen pula hanya dibezakan menurut bentuk kata kerja pasif, iaitu pasif diri pertama, pasif diri kedua, atau pasif diri ketiga. Lihat bahagian 1.3.

Terdapat ayat pasif yang membawa makna nosional “membuat” (aktif) dalam bahasa Melayu. Lihat bahagian 1.3. Bagaimanapun, jika pengertian konstruksi pasif itu digantikan dengan pengertian KONSTRUKSI ERGATIF, frasa nama yang berperanan sebagai Pasien itu dapat diberi fungsi objek yang bertindak dalam kasus Neutral. Dalam hal ini, Agen yang beraneksi dengan pokok verbal atau kata kerja *di-* dapat diberi kasus Oblique. KONSTRUKSI ERGATIF yang disusun dalam kerangka [Objek-Pasien + KKj. berpersona] dapat menerangkan makna nosional “membuat” (aktif) yang didapati dalam konstruksi kata kerja berpersona. Lihat bahagian 2.1.

Idea konstruksi Ergatif ini dapat dipastikan dalam analisis pengguguran frasa nama yang sama dalam konstruksi verbal yang disusun dalam bentuk ayat majmuk. Pengguguran frasa nama yang sama dalam ayat majmuk bukannya dikendalikan oleh persamaan fungsi sintaksis tetapi oleh kasus yang ditanggung oleh frasa nama yang digugurkan. Dengan menggunakan idea konstruksi Ergatif dapat dikatakan secara hipotesis bahawa frasa nama berkasus Oblique yang bertindak dalam satu klausa dapat menjadi rujukan bagi pengisi gatra dalam klausa yang lain apabila gatra ini diberi

kasus Neutral di kedudukan JUDUL KLAUSA (*theme of clause*) dalam ayat majmuk. Lihat bagian 2.2 dan 2.3.

Pengertian konstruksi Ergatif yang dibincangkan dalam makalah ini kiranya dapat menjawab beberapa pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh sesetengah tatabahasawan dalam pengertian konstruksi pasif.

RUJUKAN

- Abdul Chaer Mad'ie, 1984. "Masalah Pemasifan Predikat-Verbal-Kompleks dalam Bahasa Indonesia" dlm *Dewan Bahasa* 28:5 Mei, hlm. 270–277. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Asmah Hj. Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Badudu, J.S., 1980. "Inilah Bahasa Indonesia yang Benar" dlm. *Intisari*, 6. Juni. Indonesia.
- Crystal, David, 1985. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Second edition. U.S.A.: Basil Blackwell.
- Emeis, M.G., 1945. *Vorm en Functie in Klassiek en Modern Maleisch: de verbale constructies*. Utrecht: J. Wolters.
- Emeis, M.G., 1946. *Inleiding tot het Algemeen Beschaafd Maleisch*. Groningen-Batavia: J.B. Wolters' Uitgevers-Maatschappij N.V.
- Gonda, J., 1938. "Een Onbevredigend behandeld Punt in de Maleische Grammatica", in *BKI* (97), pp. 515–541.
- Gonda, J., 1943. "De Zg. Hulppraedicaatswoorden in Maleis en Javaans", in *BKI* (102), pp. 95–105.
- Gonda, J., 1949a. "Over Indonesische Werkwoordsvormen (I)", in *BKI* (105), pp. 333–379.
- Gonda, J., 1949b. "Over Indonesische Werkwoordsvormen (II)", in *BKI* (105), pp. 381–421.
- Haaksma, R., 1933. *Inleiding tot de Studie der Vervoegde Vormen in de Indonesische Talen*. Leiden: E.J. Brill.
- Hollander, J.J. de, 1856. *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. Tweede druk. Breda: Koninklijk Academie voor de Zee- en Landmacht.
- Kazama, Kiyozo, 1998. *A Primary Guide to Latin & Greek*. Tokyo: Sanseido.
- Klinkert, H.C., 1898. *Spraakleer van het Maleisch*. Tweede uitgave. Leiden: E.J. Brill.
- Lyons, John, 1971. *Introduction to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mees, C.A., 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sasaki, Shigetsugu, 1971. "Indonesian *hendak* (, *mau*, *ingin*) + vervoegde vorm:

- The Two Possibilities of Translation” in *Area and Culture Studies*. Japan: Tokyo University of Foreign Studies.
- Sasaki, Shigetsugu, 1975. “Indonesian *hendak* (, *mau*, *ingin*) + *vervoegde vorm*: The Grammatical Interpretation” in *Area and Culture Studies*. Japan: Tokyo University of Foreign Studies.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2000. “Persoalan Konstruksi Pasif dan Ergatif dalam Bahasa Melayu” dlm. *Dewan Bahasa* 44:5 Mei, hlm. 546–562. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2002. “Fakta Kebahasaan dan Ragam Kerja”, dlm *Pelita Bahasa* 14:2 Februari, hlm. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2004. “Dua Jenis Ragam Aktif Dalam Bahasa Melayu” dlm. *Bahasa* 5 (Januari-Jun), hlm. 14–32. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2006. “Persoalan Ragam Kerja dan Konstruksi Ergatif Bahasa Melayu”, dlm. *Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr Haji Mahmud Saedon Bin Awang Othman DALAM KENANGAN: essays in memory of vice chancellor, UBD, 1999–2002*. hlm. 213–231. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2006. *Kajian Semula Unsur Utama Wajib Dalam Ayat Bahasa Melayu*. Edisi kedua. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Edisi pertama (2004).
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2007. “Kajian Ringkas Karya J. Gonda (1943): apa yang dinamakan ‘kata predikat bantu’ dalam bahasa Melayu dan bahasa Jawa” dlm. *Bahasa* 11 (Januari-Jun), hlm. 22–31. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.
- Spat, C., 1920. *Maleische Taal: overzicht van de grammatica*. Vierde druk. Breda: De Koninklijke Militaire Academie.

Lampiran 1

- Berg, C.C., 1937. "Bijdragen tot de Kennis der Javaansche Werkwoordsvormen" in *BKI* 97.
- Gonda, J., 1943. "De zg. Hulppraedicaatswoorden in Maleis en Javaans", in *BKI* 102.
- Kiliaan, H.N., 1919. *Javaansche Spraakkunst*.
- Mees, C.A., 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*.
- Ophuijsen, A. van 1915. *Maleische Spraakkunst*.
- Roorda, T., 1906. *Beknopte Javaansche Grammatica*.
- Tendeloo, H.J.E., 1901. *Maleische Grammatica*. (Eerste deel).
- Tuuk, van der 1867. *Tobasche Spraakkunst*. (Eerste stuk).
- Uhlenbeck, E.M., 1963. "Some Preliminary Remarks on Javanese Syntax" in *Lingua* 15.
- Walheem, A.H.J.G., 1920. *Beknopte Maleische Spraakkunst*.

Lampiran 2

Teks Kesusasteraan

- Belenggu***. Dikarang oleh Arimijn Pane. Petaling Jaya: Zaman Baru Sdn. Bhd. 1982 (cetakan ketiga, edisi Malaysia). Karya asalnya terbit di Indonesia pada tahun 1938.
- Die Braut des Bendoro***. Pramoedya Ananta Toer. *Gadis Pantai* übersetzt von Diethelm Hofstra. Bad Honnef: Horlemann. 2001.
- Gadis Pantai***. Dikarang oleh Pramoedya Ananta Toer. Kuala Lumpur: Wira Karya. 1990 (cetakan kedua, edisi Malaysia). Karya asalnya terbit dalam Lentera/BT, Jakarta, 1962–1965.
- Meisje van het Strand***. Pramoedya Ananta Toer. *Gadis Pantai* vertaald door Angela Rookmmaker. DB Houen: het Wereldvenster. 1989.
- Shackles***. Arimijn Pane. Translated from *Belenggu* by John H. McGlynn. Jakarta: The Lontar Foundation. 1988.
- The Girl from the Coast***. Pramoedya Ananta Toer. Translated from *Gadis Pantai* by Harry Aveling. Singapore: Select Books. 1991.